# NATIONAL MARK OF MALAYSIAN BRAND

at least 3 star.

## PENGENALAN

- *National Mark of Malaysian Brand* merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Pembangunan Jenama-PKS yang diluluskan semasa Mesyuarat Ketujuh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada 13 September 2007.
- SME Corp. Malaysia, dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah membangunkan *National Mark of Malaysian Brand* bagi meningkatkan ketrampilan produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran tempatan dan antarabangsa.
- *National Mark of Malaysian Brand* yang telah dilancarkan oleh DYTM Raja Dr. Nazrin Shah, Raja Muda Perak semasa *Brand Entrepreneurs Conference 2009* pada 2 Mac 2009 menonjolkan Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan produk dan perkhidmatan syarikat-syarikat Malaysia.

## ALIRAN PROSES PERMOHONAN

Borang Pertanyaan dihantar ke SIRIM QAS untuk pengesahan

⬇

Syarikat yang memenuhi syarat-syarat asas menghantar Borang Permohonan kepada SIRIM QAS

⬇

SIRIM QAS mengeluarkan Surat Penerimaan dan Sebutharga setelah menerima Borang Permohonan

⬇

Audit Tahap 1 & 2 dijalankan oleh SIRIM QAS

⬇

Laporan Audit dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Kelulusan

⬇

Sijil *National Mark of Malaysian Brand* dan Perjanjian Pelanggan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan

⬇

Penilaian untuk Pembaharuan selepas 2 tahun

## KRITERIA PRA-SYARAT

*National Mark of Malaysian Brand* terbuka kepada semua PKS dan bukan PKS tetapi, syarikat mestilah memenuhi kriteria pra-syarat berikut:

- Perniagaan diperbadankan/didaftarkan di bawah:
  - Akta Syarikat 1965 (Akta 125);
  - Akta Pendaftaran Perniagaan (Akta 197); atau
  - Sijil Amalan daripada Badan-badan Profesional.
- Beroperasi di premis yang sah.
- Mendapat sekurang-kurangnya 3-Bintang di bawah penilaian SCORE SME Corp.
- Bagi syarikat dalam mana-mana sektor, mendapat Persijilan ISO 9001 atau setara;
- Bagi syarikat dalam Sektor Makanan mendapat HACCP atau ISO 22000; atau
- Bagi syarikat dalam Rantaian Pembekal Automotif mendapat ISO/TS16949; atau
- Bagi syarikat dalam Sektor Peralatan Perubatan dengan ISO 13485; dan
- Mempunyai jenama yang berdaftar.

## KRITERIA PENILAIAN

Syarikat akan diaudit dalam 7 kriteria:




## FAEDAH

- PKS yang layak dibenarkan untuk menuntut 50% daripada yuran Persijilan *Malaysian Brand*;
- PKS layak menuntut RM100,000 untuk pengiklanan, pemasaran, pembungkusan produk dan bahan promosi bagi tempoh dua tahun selepas persijilan;
- Mendapat keistimewaan dalam liputan media;
- Memudahkan syarikat menyertai promosi perdagangan tempatan dan antarabangsa serta aktiviti-aktiviti pengiklanan dan promosi yang dianjurkan oleh MATRADE;
- Mendapat laluan khas bagi Program Mentor MICCI-SME Corp. Malaysia untuk memudahkan PKS yang berkelayakan menembusi pasaran global secara langsung atau menjadi pembekal kepada pelbagai syarikat antarabangsa; dan
- Jemputan bagi menyertai latihan khusus yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia atau agensi lain yang berkaitan.

Emel: maslinda@smecorp.gov.my ; Azian@smecorp.gov.my; anis@smecorp.gov.my
Tel: 03 62076165, 03 62076169, 03 6207 6145 (Talian Terus)
Faks: 03 62076160
Laman web: www.smecorp.gov.my